



PERATURAN ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AL-HIDAYAH

Fasal 1 PENDAHULUAN

- 1.1 Pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan di dalam Education (School Discipline) Regulation 1959 Section 5 & 6, maka saya, Pengetua Sekolah Menengah Al-Hidayah, Ipoh dengan ini membuat peraturan yang dikuatkuasakan mulai sesi 2013 ke atas semua pelajar asrama Sekolah Menengah Al-Hidayah, Ipoh (SMAH).
- 1.2 Peraturan ini dinamakan Peraturan Asrama Sekolah Menengah Al-Hidayah.
- 1.3 Mana-mana pelajar atau kumpulan pelajar yang didapati telah melanggar mana-mana peraturan ini akan dikenakan tindakan disiplin.

Fasal 2 PENGUATKUASAAN

- 2.1 Guru-guru asrama, penyelia asrama dan pengawas asrama akan diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini.

Fasal 3 KUASA MENGHUKUM

- 3.1. Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Guru Asrama dan Guru Asrama yang diberi kuasa oleh Pengetua.

Fasal 4 SURAT-MENYURAT

- 4.1 Semua surat/bungkusan yang diterima oleh pelajar dan dikirim kepada pelajar mestilah mempunyai nama dan alamat pengirim.
- 4.2 Pihak sekolah dan pihak pengurusan asrama berhak menapis/membuka semua surat/bungkusan yang diterima oleh pelajar.

Fasal 5 HARTA PERSENDIRIAN

- 5.1 Menjadi tanggungjawab setiap pelajar menjaga harta benda milik masing-masing.
- 5.2 Buku-buku persendirian, pakaian atau apa juga barang hak milik pelajar hendaklah **ditulis nama sendiri** dan dijaga dengan bersih, cermat dan sempurna.
- 5.3 Pelajar hanya dibenarkan menyimpan wang sebanyak **RM30.00** pada satu masa.
- 5.4 Sebarang wang atau benda-benda yang dijumpai hendaklah diserahkan kepada pengawas asrama, guru disiplin, atau guru asrama untuk diumumkan dan dipulangkan kepada pemiliknya.

Fasal 6 BARANGAN LARANGAN

- 6.1 Semua jenis dadah / drugs;
- 6.2 Semua jenis hasil tembakau;
- 6.3 Semua jenis minuman keras;
- 6.4 Semua jenis senjata tajam dan senjata api;
- 6.5 *Lighter* / mancis / lilin / pelita dan seumpamanya;
- 6.6 Alat-alat yang bersifat tajam;
- 6.7 Kamera / Telefon bimbit / Pager / Radio / Televisyen / MP3 / MP4 / Walkman;
- 6.8 Seluar jeans;
- 6.9 Memiliki wang perbelanjaan melebihi RM30 setiap orang;

- 6.10 Pakaian yang tidak bermoral seperti pakaian yang ketat, mendedahkan aurat, mempunyai gambar artis, lambang-lambang yang merosakkan dan sebagainya;
- 6.11 Minyak wangi (untuk perempuan);
- 6.12 Kosmetik (untuk perempuan);
- 6.13 Semua jenis barang kemas;
- 6.14 Rantai / gelang / cincin untuk pelajar lelaki;
- 6.15 Komik / Majalah hiburan / Novel Cinta / Gambar atau poster artis / Gambar diri berfokus keterlaluan / tidak bersopan;
- 6.16 Cermin mata hitam / teropong;
- 6.17 Pita video / Kaset / CD / DVD;
- 6.18 Semua jenis peralatan elektrik melainkan seterika sahaja;

Fasal 7 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG

- 7.1 Pelajar dilarang sama sekali terlibat di dalam aktiviti **membuli** pelajar-pelajar lain.
- 7.2 Pelajar **tidak dibenarkan** menampal atau melukis sebarang gambar di bilik/dinding asrama dan di mana-mana bahagian asrama.
- 7.3 Pelajar lelaki adalah **dilarang sama sekali** memasuki kawasan asrama perempuan dan begitulah juga sebaliknya.
- 7.4 Pelajar **tidak dibenarkan** membawa masuk mana-mana pelajar luar ke dalam asrama.
- 7.5 Pelajar **tidak dibenarkan** menggunakan makmal komputer tanpa izin guru asrama.

Fasal 8 MAKANAN

- 8.1 Pelajar-pelajar diwajibkan hadir ke dewan makan pada waktu makan kecuali atas-atas sebab-sebab lain dengan izin dan kebenaran guru asrama.
- 8.2 Pelajar-pelajar mestilah menepati jadual masa makan yang telah ditetapkan.
- 8.3 Pelajar-pelajar hanya akan dibenarkan makan lebih awal atau lewat dari masa yang telah ditetapkan dengan kebenaran khas dari Pengetua atau guru asrama.
- 8.4 Pelajar mestilah menutup aurat semasa makan. Bagi pelajar perempuan tidak dibenarkan memakai seluar panjang.
- 8.5 Pelajar tidak boleh menggunakan dewan makan sebagai tempat belajar atau membaca buku, meninggalkan buku atau peralatan persendirian.
- 8.6 Pelajar dilarang untuk masuk ke bahagian dapur dewan makan kecuali setelah mendapat arahan daripada guru asrama atau AJK yang bertugas.
- 8.7 Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan atau minuman keluar dari dewan makan kecuali bagi pelajar yang sakit.
- 8.8 Pelajar-pelajar yang berpuasa perlu memaklumkan kepada Ketua Biro Tarbiah & Kerohanian sebelum jam 10.00 pagi pada hari berpuasa.
- 8.9 Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan atau makan di bilik asrama.
- 8.10 Pelajar yang mempunyai alahan terhadap makanan tertentu mestilah memaklumkan kepada penyelia asrama untuk tindakan.

Fasal 9 KAWASAN DAN BILIK ASRAMA

- 9.1 Semua pelajar hendaklah berada di tempat tidur masing-masing tepat pada jam 11.15 malam. Semua lampu hendaklah dipadamkan. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berbual-bual, merayau-rayau atau tidur di katil kawan.
- 9.2 Katil-katil dan almari-almari tidak boleh dipindah-pindahkan, begitu juga dengan bantal dan tilam, tidak boleh dipindahmilik.
- 9.3 Setiap pelajar bertanggungjawab atas keselamatan katil, bantal, tilam, almari dan lain-lain kemudahan peralatan asrama yang disediakan. Sebarang kerosakan kepada alatan asrama hendaklah dibuat bayaran ganti rugi berdasarkan jumlah yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Asrama.
- 9.4 Tempat tidur hendaklah dikemaskan dengan rapi **sebelum pukul 6.45 pagi setiap hari**. Kain selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil, kain cadar/sarung bantal berwarna putih atau biru hendaklah sentiasa di dalam keadaan kemas dan bersih. (Warna sarung bantal dan cadar tertakluk kepada perubahan oleh pentadbiran asrama).
- 9.5 Semua kain baju hendaklah dilipat dan disimpan dengan teratur dalam almari. Meletak kain baju di bawah bantal dan tilam dilarang sama sekali. Kain baju, tuala dan lain-lain pakaian yang lembab dan basah hendaklah dijemur di ampaian yang disediakan.

- 9.6 Dilarang menjemur atau menyidai semua jenis pakaian di ‘railing’, di tingkap dan koridor atau di dalam bilik tidur. Baldi dan peralatan membasuh dan mandi yang telah digunakan hendaklah disusun dengan teratur di dalam bilik.
- 9.7 Kasut, selipar termasuk beg-beg pakaian hendaklah disusun dengan baik dan teratur.
- 9.8 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berada di bilik asrama pada waktu persekolahan, kelas al-Quran / ulangkaji / kelas tambahan, waktu-waktu solat dan pada waktu-waktu lain yang tidak dibenarkan.
- 9.9 Pelajar terakhir yang keluar dari bilik asrama hendaklah memastikan suis lampu dan kipas serta pintu bilik asrama ditutup.
- 9.10 Semua jenis permainan padang (*outdoor*) tidak dibenarkan di bilik asrama.
- 9.11 Pemeriksaan bilik asrama akan dijalankan oleh guru asrama/pengawas/ketua kamar sebelum sarapan pagi untuk memastikan kekemasan dan juga kebersihan tempat tidur dan bilik asrama. Semasa pemeriksaan, semua pelajar mestilah berada di dalam kamar masing-masing dan dalam keadaan bersedia.
- 9.12 Pemeriksaan secara mengejut (*spot-check*) akan diadakan pada bila-bila masa oleh Pengetua/PK Hem/Ketua Guru Asrama/Guru Asrama/Guru Disiplin atau Pengawas Asrama.
- 9.13 Operasi membersih bilik hendaklah diadakan pada tiap-tiap minggu atau pada bila-bila masa yang diperlukan. Ketua Kamar hendaklah memastikan semua penghuni mengambil bahagian.

Fasal 10 BILIK MANDI / TANDAS

- 10.1 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan sebarang pakaian/kain atau alat-alat membasuh di dalam bilik mandi.
- 10.2 Dilarang menjemur atau menyidai semua jenis pakaian di dalam bilik air.
- 10.3 Pelajar tidak boleh menggunakan sinki untuk merendam pakaian.
- 10.4 Pelajar-pelajar adalah dilarang membuang sebarang sampah dalam bilik air, terutamanya dalam manguk tandas.
- 10.5 Penggunaan air hendaklah dijimatkan. Paip-paip yang digunakan hendaklah ditutup rapat selepas digunakan walaupun pada masa ketiadaan air.
- 10.6 Jangan membuang pembalut sabun, sisa makanan dan sebagainya di merata-rata tempat. Gunakan tong sampah yang disediakan.
- 10.7 Tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam sinki. Dilarang membuang sebarang objek seperti tuala wanita, sabun dan seumpamanya di dalam lubang tandas. Selepas menggunakan tandas, hendaklah dibersihkan dengan menggunakan berus tandas yang disediakan. Pastikan tandas dan bilik asrama sentiasa bersih.
- 10.8 Kebersihan bilik air dan tandas adalah tanggungjawab setiap pelajar.

Fasal 11 KEROSAKAN ALAT-ALAT SEKOLAH / ASRAMA

- 11.1 Segala kerosakan yang disebabkan oleh pelajar hendaklah diganti oleh pelajar berkenaan.
- 11.2 Segala kerosakan yang disebabkan oleh pelajar tetapi tiada siapa yang mengaku, semua pelajar akan bertanggungjawab dan mereka semua akan berkongsi menggantikannya.
- 11.3 Sebarang kerosakan peralatan dan kelengkapan asrama seperti bantal, tilam, katil, almari dan lain-lain hendaklah dilaporkan kepada Guru Asrama.

Fasal 12 PERHIMPUNAN (ROLL CALL) / PERJUMPAAN BLOK / KAMAR

- 12.1 **Perhimpunan (Roll Call)**
 - 10.1.1 Roll Call akan diadakan setiap kali pelajar kembali ke sekolah selepas minggu *outing* bermalam atau cuti sekolah atau pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Ketua Guru Asrama. Semua pelajar diwajibkan hadir semasa perhimpunan diadakan.
- 12.2 **Perjumpaan blok / kamar**
 - 12.2.1 Perjumpaan blok / kamar mestilah terlebih dahulu dalam makluman Guru Asrama bertugas.
 - 12.2.2 Perjumpaan hendaklah diketuai oleh Ketua Pengawas Asrama / Ketua Kamar.
 - 12.2.3 Perjumpaan hendaklah tidak melewati jam 11.30 malam.

Fasal 13 PERATURAN MELAWAT

- 13.1 Masa melawat adalah ditetapkan seperti berikut:-
Sabtu : 12:30 tengah hari – 6:00 petang
Ahad & Cuti umum : *10:00 pagi – 6:00 petang
(* Tertakluk kepada aktiviti sekolah dan asrama)
- 13.2 Masa kecemasan atau hal-hal lain yang mustahak, ibu bapa atau penjaga boleh melawat dengan kebenaran Pengetua / Guru Asrama yang bertugas.
- 13.3 Pelawat dilarang masuk ke dalam kamar dan kawasan-kawasan larangan yang lain.
- 13.4 Pelajar perempuan tidak dibenarkan menerima tetamu lelaki kecuali bapa atau saudara lelaki.
- 13.5 Pihak pengawal/Guru Asrama berhak menahan mana-mana pelawat yang diragui kesahihannya.
- 13.6 Pelawat tidak dibenarkan bertemu dengan pelajar sebelum tamatnya sesuatu aktiviti yang sedang dijalankan.
- 13.7 Pada waktu persekolahan, sekiranya ada kecemasan atau hal yang penting, pelawat mestilah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Pengetua/Ketua Guru Asrama.
- 13.8 Pakaian setiap pelawat mestilah sopan dan beradab.

Fasal 14 PERATURAN KELUAR MASUK

- 14.1 Pelajar dibenarkan keluar ke bandar(*outing*) **HANYA SEKIRANYA DITEMANI IBUBAPA /PENJAGA SAHAJA** mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengurusan asrama.
- 14.2 Pelajar **tidak dibenarkan** keluar dari asrama tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama yang bertugas.
- 14.3 Pelajar dikehendaki mengemukakan kad keluar masuk serta mendapatkan tandatangan atau cop daripada guru asrama yang bertugas sebelum keluar.
- 14.4 Kebenaran keluar asrama pada waktu lain hanya dibenarkan untuk rawatan pesakit, kecemasan, atau sebab-sebab lain yang wajar sahaja.
- 14.5 Pelajar hanya dibenarkan balik kampung / bermalam di rumah berdasarkan jadual keluar bermalam yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.
- 14.6 Permohonan untuk keluar bermalam atau keluar ke bandar selain daripada tarikh yang telah ditetapkan oleh sekolah perlu dibuat sekurang-kurangnya **3 hari** sebelum tarikh permohonan untuk pertimbangan Pengetua atau Ketua Guru Asrama.
- 14.7 Pelajar tidak dibenarkan keluar mengikut penjaga pelajar lain **kecuali** dengan surat kebenaran ibubapa pelajar atas sebab-sebab yang dinyatakan.
- 14.8 Pelajar-pelajar yang pulang bercuti dikehendaki berada semula di asrama **hanya selepas jam 4.00 petang dan sebelum jam 6.00 petang** pada hari terakhir cutinya. Manakala pelajar yang **keluar ke bandar(*outing*) perlu berada di dalam kawasan sekolah sebelum jam 6.00 petang**. Pelajar-pelajar yang gagal berbuat demikian boleh diambil tindakan disiplin.
- 14.9 Kad Rekod Keluar Masuk pelajar hendaklah disimpan dengan baik dan selamat. Sebarang kehilangan boleh didenda dengan bayaran sebanyak **RM10.00**.

Fasal 15 KECEMASAN / SAKIT

- 15.1 Pelajar yang sakit hendaklah dilaporkan kepada Guru Asrama bertugas.
- 15.2 Pelajar yang memerlukan rawatan doktor akan diberikan kebenaran ke hospital dengan van sekolah bila diperlukan.
- 15.3 Pelajar yang sakit kronik, demam yang kuat dan penyakit berjangkit dibenarkan balik ke rumah / kampung.
- 15.4 Pelajar dilarang berada di asrama tanpa keizinan jika tidak dapat ke kelas, sebaliknya berada di bilik sakit atau tempat yang telah ditetapkan.

Fasal 16 WAKTU MUROJAAH

- 16.1 Murojaah adalah wajib pada setiap hari kecuali sekiranya mendapat arahan daripada Pengetua atau Guru Asrama.
- 16.2 Murojaah akan bermula seawal jam 9.00 malam dan berakhir selewat-lewatnya pada jam 10.30 malam mengikut jadual harian yang telah ditetapkan oleh Guru Asrama SMAH.
- 16.3 Hanya bahan bacaan yang berkaitan dengan pelajaran sahaja yang dibenarkan untuk dibawa sewaktu murojaah.
- 16.4 Pelajar-pelajar hendaklah memastikan kelas yang digunakan untuk murojaah disusun dan dikemas semula selepas penggunaan.

- 16.5 Sebarang aktiviti bukan berbentuk akademik tidak dibenarkan sewaktu murojaah kecuali dengan arahan daripada Pengetua atau Guru Asrama yang bertugas.
- 16.6 Etika berpakaian untuk murojaah adalah seperti berikut:
- 16.6.1 **Perempuan:**
Baju kurung, bertudung labuh (berjahit), memakai kasut atau sandal yang menutupi tumit dan berstokin. Semasa murojaah, pelajar tidak dibenarkan membuka tudung walapun di dalam kelas.
- 16.6.2 **Lelaki:**
T-shirt berkollar/baju melayu/baju Raihan/Jubah & seluar, berseluas slack dan berkasut/sandal.

Fasal 17 AKTIVITI KEROHANIAN

- 17.1 Para pelajar **diwajibkan** solat berjemaah pada setiap waktu yang telah ditetapkan dan berada di surau 5 minit sebelum azan
- 17.2 Pelajar **tidak dibenarkan** sama sekali bersolat di dalam bilik asrama.
- 17.3 Biro Tarbiah & Kerohanian akan mengendalikan program solat berjemaah dan aktiviti kerohanian asrama.
- 17.4 Ketua Biro Tarbiah & Kerohanian akan mencatat nama-nama pelajar yang tidak hadir atau lewat (masuk) untuk solat berjemaah dan aktiviti-aktiviti pada waktu yang telah ditetapkan.
- 17.5 Semua pelajar **diwajibkan** menghadiri semua aktiviti kerohanian pada waktu yang telah ditetapkan.
- 17.6 Pakaian sewaktu solat berjemaah:
- 17.5.1 **Lelaki:** Berbaju Melayu atau berjubah & berkopiah putih
- 17.5.2 **Perempuan:** Berbaju kurung, berjubah & bertelekung

Fasal 18 MUSOLLA HASSAN AL BANNA

- 18.1 Pelajar-pelajar hendaklah memastikan kebersihan, kesucian dan keindahan surau berada di dalam keadaan yang terpelihara.
- 18.2 Sejадah, kitab-kitab atau Al-Quran hendaklah disusun dengan kemas dan teratur.

Larangan:

1. Membuat bising dan bergurau senda
2. Memakai pakaian yang tidak sesuai dan tidak bersopan
3. Mengotorkan atau merosakan harta benda di dalam surau
4. Tidur, makan/minum dan bermain-main di dalam surau
5. Datang lewat dari masa yang telah ditetapkan

Fasal 19 TATASUSILA PENGHUNI ASRAMA

- 19.1 Penghuni hendaklah menghormati dan mematuhi segala arahan Guru Asrama, HEM, Ketua Pengawas Asrama dan ketua-ketua yang telah dilantik.
- 19.2 Penghuni hendaklah mengucapkan ‘Assalamualaikum’ apabila bertemu dengan para guru, guru asrama, kakitangan sekolah, kawan-kawan dan para tetamu yang hadir.
- 19.3 Penghuni mestilah mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan asrama serta bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda asrama dan sekolah.
- 19.4 Penghuni mestilah menjaga nama baik dan imej diri sendiri, asrama dan juga nama baik sekolah.
- 19.5 Penghuni dilarang membuat bising apabila berada di asrama.
- 19.6 Penghuni asrama dilarang keras membuat hubungan dengan sesiapa sahaja yang bukan muhrimnya samada melalui surat-menyurat, telefon dan lain-lain yang berkaitan.

Fasal 20 TINDAKAN TATATERTIB

Berikut adalah di antara denda-denda yang akan dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan dan melanggar peraturan, tindakan / denda seperti berikut:

- 20.1 Nasihat / Teguran
- 20.2 Amaran peribadi
- 20.3 Amaran keras atau di depan umum
- 20.4 Rotan ringan
- 20.5 Membuat kerja ringan

- 20.6 Membuat kerja berat
- 20.7 Kelas tahanan.
- 20.8 Sesi kaunseling
- 20.9 Surat kepada ibubapa / penjaga
- 20.10 Panggil ibu bapa / penjaga ke sekolah
- 20.11 Tindakan nyata seperti rambut dipotong, barang dirampas dan sebagainya
- 20.12 Lapor ke pihak Polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat
- 20.13 Bayar ganti rugi
- 20.14 Rotan berat
- 20.15 Gantung persekolahan
- 20.16 Tidak diberi atau ditahan keputusan peperiksaan, sijil atau surat akuan sokongan untuk biasiswa atau melanjutkan pelajaran
- 20.17 Diberhentikan atau dibuang sekolah

Fasal 21 YURAN ASRAMA

- 21.1 Yuran asrama hendaklah dibayar **sebelum/pada** 30 haribulan pada setiap bulan.
- 21.2 Setiap resit pembayaran yang diterima oleh penghuni hendaklah disimpan dengan baik. (Untuk tujuan rujukan sekiranya timbul sebarang masalah)
- 21.3 Pelajar yang lewat membayar yuran/bayaran asrama akan digantung dari memasuki asrama.

Fasal 22 PENUTUP

- 22.1 Semua kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akan direkodkan dalam buku rekod kesalahan guru asrama / guru disiplin.
- 22.2 Semua pelajar mesti mematuhi peraturan asrama dan sekolah selagi mereka menjadi penghuni asrama sekolah ini.
- 22.3 Semua pelajar mestilah menghormati guru di mana-mana dan pada bila-bila masa sama ada di dalam dan luar sekolah atau asrama.
- 22.4 Pelajar dilarang melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian Agama Islam, nama baik sekolah atau asrama, guru-guru dan ibubapa.
- 22.5 Lembaga Jemaah Disiplin sekolah atau Pengetua berhak untuk menambah, mengubah atau meminda peraturan-peraturan ini dari masa ke semasa. Undang-undang kecil juga akan dibuat dan dikuatkuasakan. Hukuman yang sewajarnya akan dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang didapati bersalah dan melanggar disiplin sekolah dan asrama.

Sekian, Terima kasih.

#HELAIAN INI HENDAKLAH DISERAHKAN PADA HARI MENDAFTAR MASUK KE ASRAMA

Fasal 23 SURAT AKU JANJI ASRAMA



SURAT AKU JANJI PELAJAR

NAMA PELAJAR : _____

Saya yang bernama seperti di atas dengan ini mengaku bahawa saya bersetuju akan mematuhi segala peraturan sekolah / asrama selama saya belajar di sekolah ini.

Sekiranya saya melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan, saya sanggup dan bersedia menerima sebarang bentuk hukuman yang berkaitan setimpal dengan kesalahan yang telah saya lakukan. Persetujuan ini dibuat atas kesedaran dan kerelaan hati saya sendiri tanpa desakan atau paksaan dari mana-mana pihak.

Tandatangan pelajar:

.....

Tarikh:

PENGAKUAN IBUBAPA/PENJAGA

Saya _____ selaku ibu/bapa/penjaga kepada _____ mengakui telah membaca dan memahami isi kandungan buku peraturan asrama ini. Saya akan memastikan anak/anak jagan saya mematuhi peraturan sekolah / asrama Sekolah Menengah Al-Hidayah, Ipoh. Saya juga akur terhadap sebarang tindakan disiplin yang akan dikenakan ke atas anak/anak jagaan saya sekiranya beliau didapati telah melanggar mana-mana peraturan sekolah / asrama yang telah ditetapkan.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :/...../.....